

28 JUL 1998
Mahathir-Globalisasi
KAJI SEMULA GLOBALISASI, KATA MAHATHIR

Oleh: Zulkefli Salleh

SWAKOPMUND (Namibia) 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa supaya dikaji semula globalisasi untuk memastikan agar ia dilaksanakan dengan adil dan menghasilkan kehidupan yang lebih baik bagi setiap penduduk dunia.

Perdana Menteri berkata Malaysia percaya kepada globalisasi kerana perkara-perkara baik yang bakal diperolehi sebagaimana yang dijanjikan oleh penyokongnya.

"Bagaimanapun, seperti hal-hal lain, globalisasi perlu dikendalikan dengan teliti. Ia satu cara, bukan satu penghujung. Ia harus mencetuskan kehidupan yang lebih baik bagi semua penghuni dunia. Sekiranya ia gagal kita harus mengkajinya semula, bukan menghapuskannya, tetapi mengetepikan perkara-perkara yang mendatangkan keburukan dan menggalakkan ciri-ciri yang baik," katanya dalam ucapan bertajuk "Pengawasan dan Perkongsian Pintar" pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID '98) di sini malam ini.

Ketika berucap kepada kira-kira 350 peserta yang termasuk tujuh ketua negara, Dr Mahathir berkata globalisasi adalah satu idea yang baik dan sesuai untuk masa ini tetapi ia harus ditafsir dengan betul jika ia mahu menghasilkan sebuah dunia yang lebih baik.

"Pada masa ini kami tidak terlalu yakin bahawa ia adalah baik bagi kami di negara-negara membangun," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah melihat keburukan yang berlaku terhadap ekonominya akibat pengaliran modal secara bebas dan bimbang bahawa globalisasi mungkin bertukar menjadi seperti sosialisme, komunisme dan imperialisme yang pernah dianggap sebagai jawapan kepada segala permasalahan dan kemudian dikesampingkan.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia sanggup memberi peluang kepada globalisasi tetapi ia harus mengikut gerak langkahnya sendiri dan ingin penyokong ideologi itu supaya sedar bahawa ia mungkin mendatangkan kemudaratan.

"Kami mahu mereka menerima hakikat bahawa kami harus dibawa berunding dan aduan dan cadangan kami perlu didengar dan diterima apabila disahkan."

"Insyallah, globalisasi mungkin menjadi jalan kepada kesamaan bagi setiap penduduk dan negara dalam sebuah dunia yang tiada lagi bersempadan," katanya.

"Mari kita membentuk perkongsian, perkongsian pintar. Mari kita membentuk pengawasan yang baik. Bagaimanapun kita tidak boleh lupa bahawa usaha kita adalah untuk memperolehi kesejahteraan bagi rakyat kita. Ideologi atau falsafah terbaik tidak membawa erti sekiranya ia tidak menghasilkan keadilan dan kemakmuran bagi kita," katanya.

Beliau menyebut industri automobil Malaysia sebagai contoh bagaimana setiap negara harus dibenarkan membuka ekonomi mereka mengikut gerak langkah mereka sendiri agar dapat membina asas yang kukuh bagi ekonomi perindustrian.

Beliau berkata dengan mengenakan cukai import pada kadar yang agak tinggi, kereta negara ini dapat bersaing dalam pasaran tempatan dan ini menjadikan industri itu berdaya maju dan pada masa yang sama, menghasilkan pelbagai industri kejuruteraan untuk mengembangkan lagi perindustrian negara.

Berikutan dasar itu, rakyat Malaysia terpaksa membayar harga yang lebih tinggi bagi kereta tetapi Dr Mahathir berkata hasilnya adalah sebuah negara perindustrian dan yang lebih makmur.

Sekiranya Malaysia mengikut alasan negara-negara maju bahawa ia akan mendapat faedah daripada "produk terbaik pada harga paling rendah" dengan membenarkan pengimportan barangan bebas cukai yang berharga murah dan tanpa sekatan daripada industri-industri mereka yang sangat efisien, ia tidak mungkin dapat menjadi negara perindustrian, katanya.

Beliau juga berkata bahawa negara-negara kaya, terutama mereka yang mempunyai banyak tanah yang belum dibangunkan, harus membenarkan penghijrahan penduduk dari negara-negara miskin.

"Seperti juga modal kewangan negara kaya akan menguntungkan negara miskin, penduduk negara-negara miskin yang gigih berusaha akan juga memberi manfaat kepada negara-negara kaya," katanya.

Beliau juga menyentuh mengenai mentaliti Eropah untuk meyakinkan diri dalam menjustifikasikan usaha mereka mengeksploitasi orang dan negara lain.

Dr Mahathir memberitahu persidangan itu bagaimana matawang Malaysia dan matawang negara Asia Tenggara yang lain diserang oleh pedagang matawang sehingga menyebabkan ekonomi mereka terjejas, dan mengakibatkan berjuta-juta orang hilang pekerjaan.

"Kami diberitahu bahawa beginilah cara sebuah dunia sejagat berfungsi. Media memaklumkan kepada kami mengenai perkara itu dan memberitahu kami bahawa segala kegawatan, segala kemiskinan terhadap penduduk dan negara kami adalah baik bagi kami kerana ia akan membantu kami mendapat kerajaan yang baik, membantu kami menarik pelaburan asing.

Beliau berkata ketika kuasa pasaran mendisiplinkan negara, mereka meraih keuntungan berbilion dolar bagi diri mereka sendiri dan jelas sekali kuasa pasaran itu perlu dibayar kerana mendisiplinkan kerajaan.

"Maafkan saya tetapi kami masih berpendapat ia sesuatu yang tidak adil. Kami berpendapat adalah tidak berperikemanusiaan untuk memusnahkan kemakmuran berjuta-juta rakyat agar modal dapat bergerak bebas. Kami berpendapat adalah tidak adil untuk menghancurkan kemakmuran negara semata-mata untuk merealisasikan sebuah dunia sejagat, sebuah dunia yang tiada lagi sempadan," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata Malaysia percaya dalam globalisasi dan mahu kemakmuran daripada pengaliran modal secara bebas.

"Oleh kerana kesannya tidak seperti yang kami jangkakan, boleh atau tidak kami meminta supaya ada peraturan yang mengawasi pengaliran modal," katanya.

-- BERNAMA

ZKS AKD